



KAKITANGAN Mah Sing menaiki MRT dalam #161216 D'sara MRT Hunt.

Kuala Lumpur

Mah Sing rai pembukaan fasa pertama MRT

Mah Sing Group Berhad (Mah Sing) meraikan sambutan pembukaan fasa pertama Transit Aliran Massa (MRT) laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) melalui penganjuran #161216 D'sara MRT Hunt berikutan projek pembinaannya iaitu D'Sara Sentral memiliki akses terus kepada laluan 1 MRT melalui stesen Kampung Selamat.

Pengarah Urusan

Kumpulannya, Tan Sri Leong Hoy Kum berkata, inisiatif kerajaan meningkatkan kemudahan pengangkutan awam dipuji di mana syarikat berharap kemudahan dipertingkatkan itu akan meningkatkan kualiti kehidupan dan ekonomi negara serta menjadi penanda aras kepada pelan Malaysia dalam menjadi negara maju.